



**PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI
KUMPULAN SOKONGAN YANG TELAH BERKHIDMAT
15 TAHUN DAN LEBIH DALAM SKIM PERKHIDMATAN
DAN PERKHIDMATAN SEMASA SECARA KHAS
UNTUK PENYANDANG (KUP)**

12 Jun 2009



KEPUTUSAN KERAJAAN

- **Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih, serta masih berada di gred lantikan dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan semasa dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi sebagaimana ditetapkan dalam skim perkhidmatannya secara Khas Untuk Penyandang (KUP).**
- **Tarikh kuat kuasa pelaksanaannya adalah mulai 1 Julai 2009 dan dilaksanakan secara berterusan.**
- **Pelaksanaan tidak meliputi pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD).**



KEPUTUSAN KERAJAAN

- Pelaksanaan turut dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan / Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pelaksanaannya tidak menjejaskan urusan kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan hakiki yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.



TINDAKAN KETUA PERKHIDMATAN / KETUA JABATAN

Kenal pasti Pegawai Kumpulan Sokongan di bawah tanggung jawab masing-masing yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat berdasarkan keputusan ini untuk diperakukan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dengan merujuk kepada kaedah pelaksanaan di **Lampiran 'A'**



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

1) Pegawai Yang Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat Secara Khas Untuk Penyandang (KUP)

1.1 Pegawai Kumpulan Sokongan yang masih berada di gred lantikan dan tempoh perkhidmatannya genap 15 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan yang sama pada atau selepas 1 Julai 2009;



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

- 1.2 **Pegawai Kumpulan Sokongan yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan lain atau skim perkhidmatan yang sama tetapi pada gred yang sama berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan sebelum, pada atau selepas 1 Julai 2009 dan telah berkhidmat 15 tahun atau lebih sebelum, pada atau selepas 1 Julai 2009;**



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

1.3 Pegawai Kumpulan Sokongan yang sedang berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Jumud; dan

1.4 Pegawai Kumpulan Sokongan yang bersara wajib/meninggal dunia digred lantikan dan telah berkhidmat 15 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan sama tetapi masih berada dalam perkhidmatan sehingga 1 Julai 2009;



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

2) Kaedah Penetapan Tarikh Kenaikan Pangkat

2.1 Bagi semua pegawai yang dinyatakan di perenggan (1) :

- (a) jika tempoh perkhidmatan pegawai **genap 15 tahun atau lebih pada 1 Julai 2009**, tarikh kuat kuasa kenaikan pangkatnya adalah pada **1 Julai 2009**, sama ada urusan kenaikan pangkat dilaksanakan sebelum, pada atau selepas 1 Julai 2009; atau



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

- (b) jika tempoh perkhidmatan pegawai **genap 15 tahun selepas 1 Julai 2009**, tarikh kuat kuasa kenaikan pangkatnya adalah **pada tarikh genap tempoh 15 tahun berkhidmat**.



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

Kaedah Pelaksanaan

3.1 Pegawai perlu mematuhi semua **syarat kenaikan pangkat** yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan **syarat-syarat lain** seperti berikut:

(a) Pegawai yang **masih berkhidmat di gred lantikan** dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan yang sama selama 15 tahun dan lebih pada 1 Julai 2009 dan selepasnya bagi tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira, iaitu tidak termasuk tempoh percubaan dengan denda atau cuti yang boleh menjejaskan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009;



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

- (b) memperoleh markah 80 % ke atas bagi :**
 - i) LNPT 3 tahun terkini; atau**
 - ii) LNPT 3 tahun terkini + temu duga (jika perlu)**

- (c) lulus PTK yang ditetapkan;**

- (d) telah mengisytiharkan harta, bebas dari tindakan tatatertib, lulus Tapisan Keutuhan SPRM, bebas senarai peminjam pendidikan tegar; dan**

- (e) diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.**



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.2** Pegawai yang telah dinaikkan pangkat secara KUP boleh ditempatkan untuk mengisi kekosongan hakiki jawatan kenaikan pangkat mengikut keperluan;

- 3.3** Pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat secara KUP dari segi hierarkinya adalah terletak dibawah penyeliaan dan kawalan ketua unit/penyelia yang mengisi jawatan kenaikan pangkat seperti Gred 22 dan sebagainya, walaupun dari segi gred adalah setaraf dengan gred penyelia/ketua unit berkenaan.



LAMPIRAN A : KAEDAH PELAKSANAAN

4. Pewujudan Jawatan Secara KUP

Berhubung dengan Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib, Bahagian Sumber Manusia, KPKT

SEKIAN, TERIMA KASIH